

### TARIKH AKHIR PENERIMAAN BAYARAN CUKAI DI BEBERAPA SALURAN BAYARAN LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (HASiL) BAGI TAHUN 2022

1. Sebagai usaha meningkatkan perkhidmatan berkualiti kepada pelanggan, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) sedang dalam proses menaik taraf sistem dalaman yang dijangka selesai sepenuhnya pada 1 Januari 2023.
2. Bagi kelancaran proses ini beberapa saluran bayaran akan ditutup untuk sementara waktu, justeru tarikh akhir penerimaan bayaran cukai bagi saluran-saluran bayaran yang terlibat dengan penutupan tersebut adalah seperti yang berikut:

Bil.	Perkara	Tarikh Akhir
i.	Bayaran di Kaunter Pusat Bayaran HASiL (Semenanjung /Sabah/Sarawak)	30 Disember 2022
ii.	Terminal Kad Kredit/Debit di Kaunter Pusat Bayaran HASiL (Semenanjung/Sabah/Sarawak)	(Jumaat) (mengikut masa operasi kaunter semasa)

Bil.	Perkara	Tarikh Akhir
iii.	Bayaran melalui FPX-ByrHASiL	28 Disember 2022 (Rabu).
iv.	Sistem e-TT	Ditutup bermula 29 Disember 2022, pukul 12.01 pagi.
v.	Bayaran di bank komersial yang dilantik oleh HASiL	Tidak terlibat dan akan beroperasi seperti biasa
vi.	Bayaran di kaunter Pos Malaysia	

3. Perkhidmatan FPX-ByrHASiL yang ditutup sementara akan mula dibuka semula pada 1 Januari 2023, manakala bayaran menggunakan Nombor VA melalui janaan di Sistem e-TT hanya boleh dibuat bermula 3 Januari 2023 pukul 8.00 pagi.
4. Untuk maklumat lanjut berkenaan perkhidmatan bayaran yang disediakan, pembayar cukai boleh merujuk portal rasmi HASiL menerusi:
  - Perkhidmatan > Individu > Kitaran Cukai Individu > Bayaran atau;
  - Perkhidmatan > Syarikat > Pembayaran Cukai Syarikat > Kaedah Pembayaran
5. Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh dimajukan kepada kami melalui:
  - a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
  - b) HASiL Live Chat; dan
  - c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



---

**Dikeluarkan Oleh:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Customer Care Officer: 019-651 1100

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Hasil Recovery Call Centre: 03-8751 1000

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 16 Disember 2022**

